

AUKU: Panel rangka garis panduan benar pelajar sertai politik
The Malaysian Insider
06 Disember, 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis

PUTRAJAYA, 6 Dis — Sejalan dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini untuk meminda Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Kementerian Pengajian Tinggi akan membentuk satu jawatankuasa khas bagi merangka draf garis panduan untuk membenarkan penuntut institusi pengajian tinggi melibatkan diri dalam kegiatan politik.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (gambar) berkata, jawatankuasa tersebut akan mengambil kira pandangan pelajar dan pengamal akademik bagi memastikan draf yang dibentuk dapat diguna pakai oleh semua institusi pengajian tinggi di dalam negara.

"Kementerian dalam proses untuk mewujudkan satu jawatankuasa bagi merangka draf garis panduan untuk membenarkan mahasiswa berpolitik sejajar dengan pengumuman Perdana Menteri baru-baru ini.

"Jawatankuasa itu akan mengambil kira pandangan pelajar dan pensyarah termasuk ahli akademik untuk merangka draf berkenaan," katanya di sini.

Menurut Khaled, antara garis panduan yang akan disenaraikan adalah untuk tidak membenarkan partisan politik dalam kampus, tetapi pelajar yang berusia 21 tahun boleh menyertai parti politik dan bebas untuk berpolitik di luar kampus.

"Pelajar-pelajar ini tidak dibenarkan untuk menjalankan kegiatan politik dalam kampus, tetapi mereka boleh melibatkan diri dengan kegiatan politik di luar kampus kerana sebarang kejadian di luar kawasan universiti adalah tanggungjawab individu," katanya.

Jelasnya lagi, tindakan itu diambil bagi memelihara sifat institusi pengajian tinggi itu sendiri yang neutral dan bebas daripada pengaruh politik.

"Saya harap perkara ini akan dihormati oleh semua pihak, IPT merupakan tempat untuk menuntut ilmu, sekiranya ingin menyertai politik lakukan di luar kawasan universiti, itu hak pelajar sebagai rakyat Malaysia yang layak mengundi, pihak universiti tiada halangan sekiranya pelajar terlibat dengan kegiatan politik, tetapi pastikan mereka berada di luar kawasan universiti," tegasnya.

Tambah Khaled, pindaan yang akan dilaksanakan itu bakal melibatkan kira-kira sejuta pelajar termasuk di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, maktab perguruan dan politeknik.

Jelasnya lagi, kementeriannya akan membawa perkara ini ke Parlimen pada sesi persidangan Parlimen Mac tahun depan.

Sementara itu, mengulas berkenaan isu pelajar warga Afrika yang ditahan Jabatan Imigresen di Mantin gara-gara bertindak ganas dan memukul pegawai Imigresen semalam, Khaled menegaskan, pihaknya memberi amaran akan menarik balik kebenaran untuk institusi pengajian tinggi swasta yang didapati gagal memastikan pelajar asing mereka

mempunyai dokumen yang sah untuk terus tinggal di negara ini.

"Mereka perlu mengeluarkan sebab mengapa kementerian tidak patut menarik balik kebenaran untuk mereka membawa masuk pelajar asing sekiranya mereka melanggar undang-undang tersebut.

"IPT berkenaan harus lebih bertanggungjawab untuk memastikan pelajar asing memiliki dokumen yang sah untuk tinggal di negara ini," katanya yang menyokong tindakan Jabatan Imigresen menahan pelajar warga asing terbabit.

"KPT memberi sokongan penuh kepada Imigresen untuk tujuan itu," katanya lagi.

Sehubungan itu, jelas Khalid, kementeriannya akan mewujudkan kemudahan 'foreign desk' bagi membolehkan pelajar warga asing ini untuk membuat aduan berkaitan institusi pengajian tinggi mereka di negara ini.

"Kementerian mengenal pasti mereka tidak mendapat kemudahan itu dan ini menyukarkan mereka kerana tiada tempat yang membolehkan mereka menyuarakan aduan mereka.

"Keadaan ini sekiranya berterusan akan menyumbang kepada imej negatif negara kita yang dilihat tidak mesra pelajar asing," tambah beliau.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/auku-panel-rangka-garis-panduan-benar-pelajar-sertai-politik/>